



ROHAIZAD (kanan) menunjukkan sebahagian sisa pepejal perbandaran cuba dibawa masuk dua kontena yang diimport sebuah syarikat tempatan dari AS pada sidang media di Butterworth, semalam. - Gambar NSTP/AMINAH YUSOF

Taktik **dihidu** awal

JKDM, JAS gagalkan cubaan bawa 2 kontena sisa pepejal perbandaran

Oleh Siti Aminah
Mohd Yusof
am@hmetro.com.my

Butterworth

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk dua kontena mengandungi sisa pepejal perbandaran di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini, 23 Ogos lalu.

Pengarah JKDM Pulau Pinang Datuk Rohaizad Ali berkata, kontena mengandungi campuran sisa buangan seperti plastik, getah, kayu, batu dan logam seberat lebih 40.2 tan itu dikategorikan sebagai barangan larangan import di bawah Akta Kastam 1967.

“Pemeriksaan lanjut mendapati, kontena dibawa masuk dari Savannah, Amerika Syarikat (AS) itu diimport sebuah syarikat tempatan dan pemeriksaan disaksikan wakil syarikat terbabit.

“Pengimport dipercayai menggunakan taktik perisytiharan palsu dengan mengikrarkan barangan sebagai kepingan aluminium, tetapi sebenarnya kontena itu mengandungi bahan scrap (sisa buangan),” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Rohaizad berkata, berikutan itu, dua lelaki berusia 40-an ditahan bagi membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1)(a) Akta Kastam 1967 yang memperuntukkan denda tidak kurang 10 kali ganda nilai barangan atau RM50,000 yang mana lebih tinggi atau penjara tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kes itu turut disiasat mengikut Seksyen 133 (1)(a) Akta Kastam 1967 yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

“
Dua lelaki berusia
40-an ditahan
bagi membantu
siasatan
Rohaizad